



TANGKAPAN

KUASA DAN CARA MENANGKAP



PENCERAMAH:

ASP MAHYUDDIN BIN ABDULLAH
PENSYARAH KANAN JENAYAH

MAKTAB PDRM KKB 03-60641511 @ 019-2454109



- 1. PENDAHULUAN**
- 2. KUASA MENANGKAP**
- 3. CARA MENANGKAP**
- 4. TINDAKAN SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS TANGKAPAN**
- 5. PERSOALAN MENGENAI TANGKAPAN**
- 6. KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG BIASA BERLAKU**



PENDAHULUAN

- ❖ Tangkapan adalah penahanan seseorang secara sah bagi menjawab apa-apa pertuduhan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan atau akan dilakukan oleh orang itu.

*Pentadbiran Keadilan Jenayah Di Malaysia –Mimi
Kamariah Majid*



- ❖ **Pertuturan perkataan tangkapan semamata-mata boleh menjadi satu tangkapan jika orang tersebut menerima proses itu dan menuruti pegawai yang menangkapnya.**

Pentadbiran Keadilan Jenayah Di Malaysia – Mimi Kamariah Majid)

- ❖ **Tangkapan merupakan rampasan sebenar atau sentuhan tubuh seseorang dengan tujuan untuk menahannya.**

Halsbury's Law of England, Edisi Ketiga, Jilid 10,342]



UNDANG-UNDANG



- ❖ Kesalahan boleh tangkap tanpa waran
- ❖ Kesalahan tidak boleh tangkap tanpa waran





DUA KEADAAN BAGI MENENTUKAN SAMADA KESALAHAN ITU BOLEH DITANGKAP TANPA WARAN ATAU SEBALIKNYA;

- **Diperuntukan oleh Akta itu sendiri;**
- **Diperuntukan mengikut Jadual Pertama Kanun Prosedur Jenayah**



JADUAL PERTAMA – KESALAHAN TERHADAP UNDANG-UNDANG LAIN

KESALAHAN / HUKUMAN	TANGKAP TANPA WARAN / TIDAK
Jika hukuman yang boleh dihukum dengan bunuh, penjara seumur hidup atau penjara tujuh tahun atau lebih	Boleh tangkap tanpa waran
Jika hukuman yang boleh dipenjara tiga tahun dan lebih, tetapi kurang dari tujuh tahun	Boleh tangkap tanpa waran



KESALAHAN / HUKUMAN	TANGKAP TANPA WARAN / TIDAK
Jika hukuman yang boleh dipenjara kurang dari tiga tahun	Tak boleh tangkap tanpa waran
Jika hukuman yang boleh dijatuhkan dengan denda sahaja	Tak boleh tangkap tanpa waran



KUASA PENANGKAPAN



Boleh menangkap **tanpa waran** mana-mana orang yang dipercayai dengan munasabah **telah atau cuba** melakukan suatu kesalahan dibawah Akta ini.



Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah **dengan segera dan tanpa kelengahan** yang tidak perlu di bawa ke balai polis yang paling hampir; DAN





Selepas tangkapan hendaklah diambil tindakan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan **tatacara jenayah** yang sedang berkuatkuasa.

Tatacara jenayah merujuk kepada Kanun Prosedur Jenayah dan tindakan yang boleh diambil antaranya;

(a) Seksyen 20 Memeriksa orang yang ditangkap



- (b) Seksyen 28A Hak orang yang ditangkap;***
- (c) Seksyen 29 Melepaskan orang yang telah ditangkap;***
- (d) Seksyen 109 Penyiasatan dalam kes boleh tangkap;***
- (e) Seksyen 117 Prosedur jika penyiasatan tidak boleh diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam.***



CARA MENANGKAP



BAB IV – SEK.15 KANUN PROSEDUR JENAYAH

Apabila pegawai polis atau orang lain hendak menangkap

“ Ia hendaklah menyentuh atau mengurung badan orang yang hendak ditangkap itu, melainkan jika ia menyerah diri melalui percakapan ataupun tingkah lakunya”.



DALAM KES *Shaaban & Ors Iwn Chong Fook Kam*
(1969) 2 MLJ 219 LORD DEVLIN berkata :

Suatu tangkapan berlaku apabila seseorang pegawai polis menyatakan dengan perkataan yang dia akan membuat tangkapan atau apabila dia menggunakan kekerasan untuk menyekat individu berkenaan daripada bergerak dari satu tempat ke tempat lain yang hendak ditujui.



Walau bagaimanapun - Perkataan yang dituturkan oleh orang yang menangkap adalah tidak mencukupi melainkan ia disusuli /diikuti oleh satu penyerahan oleh orang yang ditangkap.



DALAM KES *Pendakwa Raya Iwn Lim Kim Pun (1988)
1 MLJ 401 dan Pendakwa Raya Iwn Tan Seow Chuan
(1985) 1 MLJ 318*

Mahkamah telah memutuskan bahawa tindakan anggota polis menunjukkan kad kuasa sudah memadai sebagai satu tangkapan kerana kebebasan individu telahpun diseekat.



DALAM KES *Jayaraman & Ors Vs PP (1982) 2 MLJ* **306**

Isu samada tangkapan telah dilakukan atau tidak ?

Diputuskan oleh Mahkamah tiada tangkapan berlaku kerana Kpl Ghani **tidak nyatakan dengan jelas perkataan-perkataan bahawa dia akan menangkap** kelapan-lapan orang itu dan dia akan gunakan kekerasan untuk menahan dan mencegah mereka dari bergerak ke mana-mana.



SEKSYEN 15 (2) KPJ

Jika orang yang hendak ditangkap itu melawan dengan kekerasan atau cuba lari daripada tangkapan, maka pegawai atau orang lain itu boleh MENGGUNAKAN KESEMUA LANGKAH YANG PERLU untuk melaksanakan tangkapan itu.



Seksyen 3 Criminal Law Act 1967 memberi maksud:

*Kesemua langkah yang perlu termasuklah menggunakan **KEKERASAN YANG DIFIKIRKAN MUNASABAH** semasa menghalang sesuatu jenayah atau menguatkuasakan tangkapan ke atas pihak yang melakukan perbuatan yang menyalahi mana-mana undang-undang.*



Dalam Buku Criminal Law oleh J.C Smith dan Brian Hogan menyatakan bahawa:

Dalam menentukan apa yang dikira sebagai kekerasan munasabah, mahkamah akan mengambil kira beberapa keadaan antaranya:

- A. BENTUK KEKERASAN YANG DIGUNAKAN;**
- B. DARJAH KEKERASAN YANG DIGUNAKAN;**
- C. KESAN ATAU AKIBAT DARIPADA KEKERASAN YANG DIGUNAKAN.**



***SESUATU PERBUATAN TIDAK AKAN
DIANGGAP SEBAGAI MUNASABAH
MELAINKAN ;***

- A. IA DILAKUKAN SEMATA-MATA BAGI
MENGHALANG JENAYAH TERSEBUT;**
- B. DILAKUKAN SEMATA-MATA BAGI
MENGUATKUASAKAN TANGKAPAN; DAN**
- C. KESAN ATAU AKIBAT DARIPADA
KEKERASAN YANG DIGUNAKAN
BOLEH DIJUSTIFIKASIKAN.**



SEKSYEN 15 (3) KPJ

Tiada apa di dalam seksyen ini yang memberi hak untuk menyebabkan kematian pada seseorang yang tidak dituduh berkenaan dengan kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup.



PEMBELAAN / HAK PERTAHANAN DIRI

Sekiranya dalam keadaan membasmi jenayah atau menguatkuasakan tangkapan terhadap pesalah atau orang yang disyaki, wujud serangan atau tentangan serta merta yang mana jika pertahanan diri tidak digunakan secara munasabah mungkin boleh menyebabkan kematian atau cedera parah kepada orang yang melaksanakan tangkapan.



Lord Morris telah menyatakan:

“Sekiranya serangan dilakukan sehingga ia memerlukan tindak balas yang munasabah, maka telah diiktirafkan bahawa pihak yang mempertahankan diri tidak mungkin akan berupaya untuk membuat pertimbangan secara tepat tentang tindakan pertahanan diri yang benar-benar tepat.

Sekiranya pihak juri berpendapat bahawa semasa berada dalam ketakutan, pihak yang telah diserang secara tiba-tiba telah bertindak dengan cara yang difikirkan perlu, maka tindakan ini boleh dijadikan keterangan penting bagi membuktikan bahawa tindak balas yang munasabah telah digunakan.



PANDUAN UMUM BERKAITAN TANGKAPAN





BEKERJASAMA

OPSYEN

Penggunaan perkataan dan kehadiran samada dengan seragam atau pengenalan diri adalah mencukupi



TENTANGAN PASIF

OPSYEN

Penggunaan perintah atau amaran lisan atau pengawalan tangan kosong



TENTANGAN AKTIF

OPSYEN

Pengawalan tanpa senjata termasuklah menggunakan tangan, menyentuh, pegangan ,tekanan kawalan ke atas badan dan mengunci tangan.



PERBUATAN MENYERANG

OPSYEN

Jika tidak mempunyai pilihan, penggunaan senjata pertengahan seperti T-Baton atau EMI adalah dibenarkan dan digunakan dengan niat hanya untuk melemahkan subjek secara sementara dan bukan bertujuan menyebabkan kecederaan yang kekal.



SERANGAN BOLEH MENDATANGKAN CEDERA PARAH & KEMATIAN

OPSYEN

Jika ada sebab munasabah menyebabkan ancaman serta merta akan mendatangkan kematian atau cedera parah dengan menggunakan senjata. Opsyen menggunakan kekerasan hingga menyebabkan kematian boleh digunakan.



TINDAKAN SEBELUM TANGKAPAN

- ❖ **KENAL PASTI KESALAHAN**
- ❖ **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**
- ❖ **KESALAHAN BOLEH TANGKAP TANPA WARAN ATAU DENGAN WARAN.**
- ❖ **BILANGAN OYDS**



- ❖ **PERALATAN DAN KELENGKAPAN SOKONGAN**
- ❖ **KEKUATAN ANGGOTA**
- ❖ **PASUKAN BANTUAN (JIKA PERLU)**
- ❖ **RISIKO DAN PERANCANGAN**



TINDAKAN SEMASA TANGKAPAN

- ❖ **KENALKAN DIRI**
- ❖ **MEMATUHI SEKSYEN 15 KPJ**
- ❖ **SEKSYEN 28A (1) KPJ**
- ❖ **PENGGUNAAN GARI DAN LAIN-LAIN**
- ❖ **PEMERIKSAAN TUBUH (JIKA PERLU)**




- ❖ **MENYEDIAKAN SENARAI RAMPASAN (SENJATA ATAU APA-APA BARANG DIGUNAKAN UNTUK MENENTANG TANGKAPAN)**
- ❖ **PENGAMBILAN GAMBAR BARANG YANG DIRAMPAS**
- ❖ **MEREKODKAN SEMUA TINDAKAN, BUTIRAN TANGKAPAN DAN RAMPASAN.**



PENGGUNAAN GARI

Gari boleh digunakan semasa melaksanakan tangkapan. Ia adalah suatu cara yang baik untuk memastikan tangkapan dikurung atau dikawal dengan selamat. Digunakan apabila perlu tetapi hendaklah tidak digunakan tanpa ada keperluan





PENGGUNAAN ALAT SEMBURAN

Penggunaan semburan bertujuan untuk mengurangkan atau melemahkan penentangan seseorang untuk sementara waktu.

Boleh digunakan jika orang yang hendak ditangkap bertindak atau berkelakuan yang mengancam, menentang tangkapan atau menunjukkan ancaman yang jelas.





PENGGUNAAN EMI & TASER GUN

EMI merupakan senjata terhad. Boleh diguna jika ada ancaman penentangan secara aktif atau ancaman bahaya menyebabkan kecederaan tubuh badan. ATAU subjek menimbulkan ancaman untuk mencederakan diri sendiri.



TASERS



Fires metal prongs from medium range and penetrates the skin

Distinctive gun shape



How tasers work

Tasers use 50,000 volts of electricity, which temporarily incapacitates suspects, allowing police to safely take them into custody.

Compressed air launches two penetrating probes up to 15 feet to deliver a powerful electrical punch.

Once attached to the target, the probes use electronic signals called T-waves to jam the nervous system of an assailant, causing rapid muscle contractions.

Source: Detroit News research

Aaron Hightower / The Detroit News



TINDAKAN SELEPAS TANGKAPAN

- ❖ **DIBAWA KE BALAI POLIS TANPA KELENGAHAN**
- ❖ **DIESKOT / DIIRING**
- ❖ **ANGGOTA PENGIRING / KEKUATAN**
- ❖ **PENGGUNAAN KENDERAAN JABATAN**
- ❖ **TIDAK DIBENARKAN SINGGAH ATAU BERHENTI (KECUALI JIKA KEADAAN MEMERLUKAN)**



- ❖ **LAPORAN TANGKAPAN**
- ❖ **PENYERAHAN TANGKAPAN**
- ❖ **JAMINAN / SEBALIKNYA**
- ❖ **PENYERAHAN BARANG RAMPASAN /
BARANG BUKTI KEPADA IO BERSAMA
SEARCH LIST**



BERAPA LAMA SESEORANG ITU BOLEH DILETAK DI DALAM TANGKAPAN?

Hendaklah dengan kadar segera kecuali ada sebab-sebab yang munasabah kenapa kelewatan membawa tangkapan ke balai polis...



SEKSYEN 28 (1) KPJ

Seorang pegawai polis yang menangkap orang tanpa waran hendaklah dengan **tidak berlengah-lengah lagi....**

PERKARA 5 (4) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, orang itu hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret **dengan segera...**



- ❖ **Ungkapan tanpa kelengahan yang tidak perlu, tidak berlengah-lengah dan dengan segera tidak ditakrifkan dengan jelas dalam Akta.**

SEBAGAI PANDUAN

- ❖ **Sekiranya kesalahan orang yang ditangkap memberi peruntukan mengenai jaminan atau pelepasan maka orang itu hendaklah dilepaskan dengan jaminan.**



- ❖ Sekiranya tangkapan dibuat dengan waran dan tidak memperuntukan jaminan, hendaklah dengan seberapa segera membawa orang itu ke hadapan majistret.
- ❖ Sekiranya tangkapan memerlukan tahanan lebih daripada dua puluh empat jam hendaklah membawa orang yang ditangkap itu ke hadapan majistret.



APAKAH HAK-HAK YANG ADA KEPADA ORANG YANG DITANGKAP?

- **Mengetahui sebab penangkapannya**
- **Berkomunikasi dengan saudara atau kawan**
- **Berkomunikasi, berunding dengan pengamal undang-undang**



- **Hak mengenai jaminan**

- * **Hak OYDS berkomunikasi dengan keluarga atau berunding dengan pengamal undang-undang tidak terpakai sekiranya dengan munasabah percaya ia akan mengganggu siasatan atau keterangan dihapuskan atau disembunyikan.**



ADAKAH PERLU OYDS DIKENAKAN SEKATAN DIRI (DIGARI)?

- **Setiap tangkapan yang sah boleh digari;**
- **Sekiranya ada tanda-tanda OYDS berniat untuk melepaskan diri;**
- **Jika melibatkan tangkapan yang ramai dan anggota yang ada tidak cukup untuk mengawal;**



- **Sekiranya melibatkan OYDS yang agresif;**

Boleh dikecualikan dalam kes-kes tertentu (Contoh OYDS memberi kerjasama, sakit yang tidak membolehkan melepaskan diri, cacat dll);

- * **Rujuk kepada *Standard Operating Procedure (SOP) Jabatan***



APAKAH PERUNTUKAN YANG MELINDUNGI ORANG YANG DIBERI KUASA MENANGKAP?

Sek.96 KK – Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan pada menjalankan hak pertahanan persendirian.

Sek.97 (a) KK – Tiap orang ada hak mempertahankan tubuhnya sendiri dan tubuh orang lain terhadap apa-apa kesalahan mengenai tubuh manusia.



Sek.102 KK – Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh bermula setelah sahaja suatu ketakutan yang munasabah akan bahaya kepada tubuh terbit dari suatu percubaan atau ugutan hendak melakukan kesalahan, walaupun kesalahan itu tidak dilakukan: DAN

Hak itu masih ada selagi ketakutan akan bahaya kepada tubuh masih ada.



TUDUHAN YANG BOLEH DIKENAKAN KE ATAS ORANG YANG MENENTANG TANGKAPANNYA?

Sek.186 KK – menggalang penjawat awam pada menjalankan kerja-kerja jawatannya.

Sek.189 KK – Ugutan bencana kepada penjawat awam.



Sek.351 KK – Serangan (membuat apa-apa isyarat atau persiapan dengan maksud akan menggunakan kekerasan)

Sek.353 KK – menggunakan kekerasan jenayah bagi menakutkan penjawat awam daripada menjalankan kewajipannya



TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP PENJAWAT AWAM YANG MENYALAHGUNA KUASA?

- **Pertuduhan jenayah**
- **Tindakan sivil & Tuntutan ganti rugi di mahkamah**



KELEMAHAN BERKAITAN TANGKAPAN DAN TINDAKAN

- ❖ **Sebab-sebab tangkapan tidak diberitahu kepada OYDS.**
- ❖ **Penggunaan kekerasan (kecuali dibawah hak pertahanan persendirian).**
- ❖ **Tiada laporan atau kelewatan membuat laporan.**
- ❖ **Laporan tidak lengkap.**



- ❖ **Lapor dibuat oleh anggota yang tidak terlibat dalam proses tangkapan.**
- ❖ **Tidak cam orang yang ditangkap.**
- ❖ **Pergerakan OYDS tidak direkodkan dengan lengkap.**
- ❖ **Hak orang yang ditangkap tidak diberi.**



PEMAHAMAN TENTANG PROSEDUR DAN PERUNDANGAN BERKAITAN TANGKAPAN MUSTAHAK SUPAYA TIDAK BERLAKUNYA:

- Tangkapan yang tidak sah atau tahanan salah.
- Tuntutan ganti rugi terhadap pihak yang menangkap.
- Perintah “*harbeas corpus*” atau pembebasan ke atas tangkapan.



SOAL JAWAB